



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SOALAN LAZIM (FAQ) PAKEJ BANTUAN PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT MALAYSIA (PERMAI) OLEH YAB PERDANA MENTERI PADA 18 JANUARI 2021

1. Apakah tujuan pemberian bakul makanan di bawah Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI).

Jawapan :

Tujuan pemberian bakul makanan ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan bagi memastikan kelangsungan hidup rakyat berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terutamanya golongan mudah terjejas dan pekerja yang bergantung kepada upah harian

2. Siapakah yang layak menerima bakul makanan di bawah inisiatif ini?

Jawapan:

Mereka yang layak menerima dan memohon bakul makanan adalah penerima bantuan bulanan sedia ada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengikut data penerima pada bulan Januari 2021;

3. Adakah saya perlu membuat permohonan untuk menerima bakul makanan ini?

Jawapan:

Tidak perlu kerana JKM telah mempunyai data penerima bantuan bulanan sedia ada sehingga Januari 2021.

4. Berapakah nilai setiap bakul makanan yang akan diterima?

Jawapan:

Jumlah nilai barang bakul makanan adalah RM100.00.

5. Berapakah peruntukan yang disediakan bagi tujuan bakul makanan ini?

Jawapan:

Peruntukan yang terlibat dalam pemberian bantuan bakul makanan ini ialah sebanyak RM50 juta.

6. Bilakah bakul makanan ini akan diedarkan?

Jawapan:

Bakul Makanan akan diedarkan sepanjang tempoh PKP.

7. Apakah barang yang terdapat dalam bakul makanan tersebut?

Jawapan:

Bakul makanan yang disediakan merupakan keperluan asas keluarga seperti berikut :

| BIL. | BARANG KEPERLUAN |
|------|------------------|
| 1. | BERAS |
| 2. | MINYAK MASAK |
| 3. | GULA |
| 4. | TEPUNG GANDUM |
| 5. | SUSU PEKAT |
| 6. | TEH |
| 7. | KOPI |
| 8. | BISKUT |
| 9. | KICAP MANIS |
| 10. | SARDIN |
| 11. | SOS CILI |
| 12. | GARAM HALUS |
| 13 | BIHUN |

8. Siapakah yang menguruskan edaran bakul makanan?

Jawapan:

Pihak JKM dengan kerjasama agensi berikut :

- (i) Angkatan Pertahanan Awam (APM)
- (ii) Ikatan Relawan Malaysia (RELA)
- (iii) Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

9. Sekiranya dalam satu keluarga terdapat lebih daripada satu penerima bantuan JKM, adakah kesemua mereka akan mendapat bakul makanan ini?

Jawapan:

Tidak. Hanya seorang penerima sahaja yang layak menerima bakul makanan bagi setiap isi rumah.

10. Bagaimanakah semakan kelayakan bantuan bakul makanan ini boleh dibuat?

Jawapan:

Pemohon boleh membuat semakan dengan menghubungi:

- (i) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD)/Negeri yang berdekatan dengan tempat tinggal. Direktori JKMN dan PKMD boleh didapati di laman sesawang www.jkm.gov.my;
- (ii) Bilik Gerakan JKM di talian 03-83231996;
- (iii) Talian Kasih 15999; atau
- (iv) Whatsapp Talian Kasih 019-2615999.

11. Jika saya masih belum menerima bakul makanan apakah tindakan yang perlu saya lakukan?

Jawapan:

Pemohon boleh memaklumkan perkara ini dengan menghubungi:

- (i) Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) /Negeri yang berdekatan dengan tempat tinggal. Direktori JKMN dan PKMD boleh didapati di laman sesawang www.jkm.gov.my;
 - (ii) Bilik Gerakan JKM di talian 03-83231996;
 - (iii) Talian Kasih 15999; atau
 - (iv) Whatsapp Talian Kasih 019-2615999.
12. Siapakah yang boleh dihubungi sekiranya terdapat pertanyaan berhubung perkara ini?

Jawapan:

Pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh dibuat dengan menghubungi pegawai-pegawai berikut:

| Bil | Nama Pegawai | Jawatan | No Telefon/E-mel |
|-----|------------------------------------|-------------------------|--|
| 1. | Puan Rozita binti Ibrahim | Ketua Penolong Pengarah | 03-83232369 rozita_ibrahim@jkm.gov.my |
| 3. | Encik Zamri bin Mohamad | Penolong Pengarah Kanan | 03-83232365 zamrimohamad@jkm.gov.my |
| 2. | Cik Nor Azlinda binti Ahmad Shaari | Penolong Pengarah Kanan | 03-83232360 norazlinda.ahmadshaari@jkm.gov.my |

Disediakan oleh:

Jabatan Kebajikan Masyarakat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
25 Januari 2021